



Kod Etika SCA



KodEtikaSCA

SCA komited terhadap penciptaan nilai untuk pemegang sahamnya dan pembinaan hubungan berdasarkan rasa hormat, tanggungjawab dan kecemerlangan dengan pekerja, pelanggan, pengguna, pemegang saham dan rakan perniagaan lain – dengan penuh tanggungjawab kepada masyarakat dan alam sekitar.

Pencapaian matlamat ini memerlukan prestasi kewangan yang kukuh, pengawasan alam sekitar dan komitmen sosial.

SCA akan bekerjasama dengan semua rakan perniagaannya untuk melaksanakan perubahan positif dan menggalakkan pematuhan berdasarkan polisi ini.

SCA akan, secara minimum, mematuhi semua keperluan perundangan dan pengawalan yang berkenaan.

SCA akan melaksanakan standard yang konsisten dengan polisi ini apabila undang-undang atau peraturan yang sedia ada tidak sejajar dengan matlamatnya.





Kesehatan & Keselamatan

SCA secara aktifnya berusaha untuk memperbaiki kesehatan dan keselamatan di tempat kerja. SCA bertujuan untuk memberikan persekitaran kerja selamat untuk pekerjaanya.

Semua unit SCA akan, secara minimum, mematuhi undang-undang negara dan/atau perjanjian kolektif dengan sewajarnya.

Hubungan Pekerja

SCA berusaha untuk menubuhkan budaya syarikat tak berdiskriminasi berdasarkan sifat bertanggungjawab, kecemerlangan dan rasa hormat sesama lain, yang sejajar dengan bakat tenaga kerja global kami.

Adalah menjadi polisi SCA untuk melayan semua pekerja sedia ada atau berpotensi secara adil tanpa prasangka. SCA komited terhadap pembasmian apa jua amalan tidak adil atau diskriminasi yang mungkin berlaku.

Semua pekerja akan diberi peluang untuk maju dalam SCA tanpa mengira jantina, status perkahwinan, negara asal atau keturunan, orientasi seksual, kepercayaan agama, hubungan politik, umur (tertakluk kepada umur persaraan kontrak), atau ketidakupayaan mereka.

SCA komited terhadap pembayaran gaji dan faedah berpatutan mengikut standard berkenaan di mana kami beroperasi.

SCA akan bertindak secara ikhlas dan dengan sifat saling hormat-menghormati sewaktu berurusan dengan kakitangan dan wakil mereka di tempat kerja. Kami mengiktiraf hak asas pekerja dalam memilih untuk diwakili oleh kesatuan yang diakui pilihan mereka, dan kami akan mengiktiraf hak pekerja kami dan kesatuan sekerja mereka untuk melakukan tawar-menawar kolektif.

Amalan kami berdasarkan kepada standard tenaga kerja Antarabangsa yang diakui dan akan mengambil kira adat dan peraturan pelbagai negara di mana kami beroperasi.





Amalan Perniagaan

Adalah menjadi polisi SCA untuk melayan semua rakan perniagaan sedia ada atau berpotensi secara adil tanpa prasangka. SCA memerlukan semua pekerjaanya, tanpa mengira fungsi, gred atau taraf mereka, untuk mematuhi standard perniagaan dan etika peribadi berikut ketika menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka:

- Pekerja SCA mesti mengamalkan kejujuran dan integriti dalam semua aspek urusan mereka dengan pekerja, pelanggan, pembekal, rakan perniagaan lain, masyarakat dan pihak berkuasa kerajaan.
- SCA atau pekerjaanya tidak akan membuat bayaran haram atau rasuah dan akan mengelakkan diri daripada penyertaan dalam apa jua amalan perniagaan haram. SCA atau pekerjaanya tidak akan menerima bayaran, hadiah atau sebarang jenis bayaran balik daripada pihak ketiga yang boleh menjejaskan atau berupaya menjejaskan objektivitinya dalam membuat keputusan perniagaan.
- Dalam perniagaan global, SCA menghadapi undang-undang dan peraturan yang direka untuk mempromosikan persaingan adil dan menggalakkan kelakuan beretika dan yang mematuhi undang-undang. Undang-undang antitrust dan persaingan adil biasanya mengharamkan aktiviti yang menghalang perdagangan bebas atau menghadkan persaingan. SCA akan mengendalikan perniagaannya dengan mematuhi undang-undang sedemikian dengan sewajarnya.
- Pekerja SCA harus mengelakkan diri daripada situasi di mana kepentingan peribadi, keluarga atau kewangan mereka boleh bertentangan dengan kepentingan SCA. Jika konflik kepentingan sebegini berlaku, pekerja terbabit harus memaklumkan hal ini dan mendapat kebenaran daripada Pihak Pengurusan Kanan Kumpulan Perniagaan seperti yang dinyatakan dalam Prosedur Konflik Kepentingan.

Menghormati Hak Asasi Manusia

SCA menghormati hak asasi manusia dan akan mematuhi peruntukan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

SCA menyokong dan menghormati perlindungan hak asasi manusia dalam lingkungan pengaruhnya; secara khusus, penghapusan buruh paksa dan buruh kanak-kanak, dan akan membuat ini kriteria dalam pemilihan dan pengurusan hubungannya dengan pembekal dan subkontraktor.





Hubungan Masyarakat

SCA komited terhadap sumbangan sosial positif kepada masyarakat di mana ia beroperasi.

Komunikasi dan Privasi Data

SCA komited terhadap komunikasi terbuka, namun mengikut peraturan kerahsiaan komersial.

SCA akan menghormati privasi data berkaitan dengan individu (mahupun pekerja ataupun pihak ketiga), yang mungkin digunakan sebagai sebahagian daripada aktiviti pemrosesan maklumatnya.

Tiada seorang pun pekerja SCA boleh mengubah, mendedahkan atau menggunakan apa jua maklumat kumpulan atau peribadi untuk apa jua tujuan selain daripada apa yang dibenarkan di bawah undang-undang, tanpa kebenaran pihak berkuasa tertentu.





Penggunaan

Semua pegawai, eksekutif dan pengurus SCA dan anak syarikatnya bertanggungjawab dalam penguatkuasaan dan pematuhan polisi ini, termasuk memastikan pengetahuan dan pematuhan pekerja.

Polisi ini berkuat kuasa ke atas semua operasi SCA dan semua pekerja SCA di seluruh dunia tanpa mengira fungsi, gred atau taraf mereka. SCA menjangka standard kelakuan yang sama daripada semua orang yang bertindak bagi pihaknya.

Pekerja SCA yang bekerja dengan syarikat rakan kongsi akan berusaha sedaya upaya untuk mematuhi polisi ini. Wakil SCA dalam Lembaga Pengarah syarikat rakan kongsi mempunyai obligasi untuk memaklumkan Pihak Pengurusan Kanan Kumpulan Perniagaan mengenai sebarang aktiviti dalam syarikat rakan kongsi yang melanggar polisi ini.

Polisi ini tidak menyeluruh dan mana-mana pekerja SCA yang mempunyai persoalan mengenai pematuhan sesuatu tindakan yang dicadangkan harus mendapat nasihat penyeliannya sebelum melakukan tindakan tersebut.

Penggunaan praktikal polisi ini akan dikawal secara berkala dan dikomunikasikan secara terbuka.

Prosedur Aduan

Mana-mana pekerja yang mengetahui tentang pelanggaran mana-mana undang-undang berkenaan atau polisi ini harus melaporkan maklumat tersebut dengan segera kepada penyeliannya. Jika penyeliannya terlibat secara langsung dalam situasi tersebut, atau bercanggah dalam apa jua cara lain, situasi ini harus dilaporkan kepada penyelia atasan dan juga Ketua Sumber Manusia Kumpulan Perniagaan.

Semua penyelia dan pengurus SCA diwajibkan untuk menyiasat dan menyelesaikan sebarang aduan sebegini dan melaporkan kepada Ketua Sumber Manusia Kumpulan Perniagaan.

Jika, sebagai seorang pekerja SCA, anda telah membuat aduan dan isu itu belum diselesaikan, laporkan isu itu kepada Ketua Sumber Manusia Kumpulan Perniagaan.

Ketua Sumber Manusia Kumpulan Perniagaan juga berperanan sebagai penasihat bebas kepada mana-mana pekerja yang memerlukan bantuan, nasihat atau penjelasan mengenai isu berkenaan dengan polisi ini.

Ketua Sumber Manusia Kumpulan Perniagaan diwajibkan untuk membuat laporan setiap suku tahun, mengenai semua aduan yang berkaitan dengan Kod Etika ini kepada Ketua Sumber Manusia Kumpulan SCA.



c/o Life Kami amat menghargai dan menitikberatkan kehidupan harian. Kami ingin lebih dekat dengan anda, serta sentiasa memperbaiki cara kami. Kami percaya dalam ketahanan berkekalan. Kami memang prihatin.



**SVENSKA CELLULOSA
AKTIEBOLAGET SCA (publ)**

Box 200

SE-111 64 STOCKHOLM

Tel +46 8 788 51 00

www.sca.com